



10 September 2021  
10 September 2021  
P.U. (A) 359

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (PENGECUALIAN) 2021

### *FINANCIAL SERVICES (EXEMPTION) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (PENGECUALIAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 263 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758], Menteri, atas syor Bank, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan (Pengecualian) 2021.**

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 25 Mac 2021.

**Pengecualian**

2. (1) Menteri mengecualikan Archipelago Insurance Limited (No. Lesen IS2013136), suatu pemegang lesen insurans di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [Akta 704], daripada pemakaian perenggan 8(1)(a) Akta bagi maksud menjalankan perniagaan insurans berkenaan dengan insurans perlindungan dan indemniti bagi suatu kapal Malaysia dengan 300 berat tan kasar atau kurang bagi tempoh tiga tahun.

(2) Dalam perenggan ini—

(a) “insurans perlindungan dan indemniti” erti insurans perlindungan dan indemniti yang ditawarkan oleh Archipelago Insurance Limited secara usaha sama dengan Perlindungan dan Indemniti Malaysia Sdn. Bhd.; dan

(b) “kapal Malaysia” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 11(1) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [Ord. 70/1952].